

PETRONAS, PETROS wajar saling menyokong

Subang: Petrolia Nasional Bhd (PETRONAS) dan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS) wajar bekerjasama dan saling sokong-menyokong untuk berkembang dalam industri minyak dan gas negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata penting untuk PETRONAS diiktiraf sebagai sebuah badan nasional dan semua obligasi kontraknya dihormati tanpa sebarang kompromi.

Menolak tanggapan PETRONAS adalah syarikat 'milik' Semenanjung, beliau berkata ia adalah milik negara seperti termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 di mana syarikat minyak itu mempunyai hak milik terhadap semua sumber minyak dan gas (O&G) di negara ini.

"Akhirnya Akta Pembangunan PETRONAS (PDA) adalah akta nasional dan PETRONAS adalah sebuah syarikat nasional, bukan syarikat Semenanjung. Saya ingin menjelaskan perkara ini kepada anda dengan sangat jelas. Tiada kompromi dalam hal ini," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata perbincangannya dengan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg berhubung isu pengalihan gas PETRONAS dan PETROS adalah amat baik.

"Tetapi hubungan saya dengan Premier Abang Johari sangat baik. Akhirnya, kami mahukan penyelesaian yang harmoni untuk isu ini.

"Tidak kira apa pun tuntutannya. Jika anda terima itu, maka, negara atau negeri kini

yang mahu memastikan mereka menegaskan kedudukan mereka untuk melindungi kepentingan, terutamanya Sabah dan Sarawak, kerana kami juga terikat dengan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

"Sekarang dalam soal ini, perlu mempertimbangkan pilihan ini. Mereka memutuskan untuk menubuhkan PETROS. Sudah tentu, ada suara yang mengatakan bahawa PETROS sebagai pemegang tunggal akan menentukan segala-galanya. Tetapi itu bukan pandangan mereka (negeri) dan juga bukan pandangan saya.

"Jadi, adalah penting untuk PETRONAS diiktiraf sebagai badan nasional. Untuk menghormati semua obligasi kontrak tanpa kompromi. PETRONAS perlu menyokong PETROS un-

tuk memastikan sebagai pemain penting," katanya.

Tangani isu secara bijak

Beliau berkata, PETRONAS dan PETROS wajar bekerjasama dan segala isu berbangkit perlu ditangani secara bijaksana.

"Saya rasa ini adalah langkah wajar. Mereka telah menetapkan parameter dalam hal ini. Mereka iktiraf peranan PETRONAS dan kita iktiraf peranan Sarawak. Saya fikir kita perlu bekerjasama.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri menjangkakan laporan interim berhubung dapatan kajian empirikal mengenai pengasingan kuasa peguam negara dan pendakwa raya akan dibentangkan pada pertengahan tahun depan.

Setakat ini, katanya, Kabinet

sudah meluluskan Kertas Dasar untuk memisahkan kuasa itu.

Beliau mengakui proses untuk memisahkan kedua-dua entiti adalah rumit dan memerlukan masa.

Mengulas lanjut pihak yang mendakwa Kerajaan Perpaduan pimpinannya gagal untuk melaksanakan pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Perdana Menteri berkata persepsi itu tidak betul.

Sebaliknya, beliau menegaskan yang pihaknya sentiasa berusaha untuk merealisasikan hasrat itu bagi memperbetulkan persepsi terhadap jabatan berkenaan.

"Isu ini sangat sukar, kompleks kerana persepsi kerajaan MADANI gagal (mengasingkan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya) tidak betul," katanya.